

02/06/2000

Umno sasar tiga golongan daftar undi

KANGAR, Khamis - Umno meletakkan sasaran terhadap tiga golongan ketika proses pendaftaran pengundi baru di seluruh negara yang sedang giat dijalankan dan berakhir pada 24 Jun ini.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kumpulan sasar utama ialah penyokong atau ahli Umno, manakala kumpulan kedua, membabitkan ahli keluarga, khususnya anak ahli Umno.

Golongan ketiga terdiri daripada mereka yang menyokong atau bersimpati dengan Umno tetapi belum mendaftar sebagai pengundi.

"Saya percaya jika semua berjalan (proses pendaftaran pengundi baru) seperti dikehendaki, mereka akan memberi sumbangan kepada pengukuhan dan kemantapan parti (Umno) seperti yang diharapkan oleh Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perjumpaan khas bersamanya di Dewan Kompleks Warisan Negeri di sini, hari ini. Najib berkata, berdasarkan lawatannya ke beberapa negeri, ada ramai ahli dan penyokong Umno yang belum mendaftar sebagai pengundi.

Sebagai contoh, di Sabah ada hampir 100,000 ahli dan penyokong Umno, termasuk di satu bahagian Umno negeri, tetapi seramai 11,900 ahli parti belum mendaftar sebagai pengundi.

"Saya percaya jika semua mereka itu (ahli dan penyokong parti), termasuk di negeri lain mendaftar sebagai pengundi, parti (Umno) pasti lebih kukuh dan berjaya," katanya.

Beliau bagaimanapun, tidak memberi jumlah sebenar ahli dan penyokong parti itu yang belum mendaftar sebagai pengundi.

Katanya, secara purata, antara 2,000 hingga 3,000 ahli dan penyokong parti itu di setiap bahagian belum mendaftarkan diri sebagai pemilih.

Sementara itu, Najib berkata, tinjauannya mendapati petugas parti yang diberi tanggungjawab membuat pendaftaran pengundi baru itu, menunaikan tugas masing-masing dengan baik dan lancar.

(END)